



اوتيز ستي مليسيا دات السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2025

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PENAMBAHBAIKAN PERATURAN BAGI KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 PENDAHULUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penambahbaikan peraturan bagi Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kerana Menjalankan Tugas Rasmi di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 UMPSA menerimapakai Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi melalui Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2023 dan Surat Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2024; dan

2.2 Selaras dengan Surat Edaran Pindaan Pekeliling Perbendaharaan WP1.4, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-59 Bil. 3 Tahun 2024, bersetuju meluluskan pemansuhan peraturan kelulusan Ketua Jabatan untuk menggunakan kenderaan sendiri semasa bertugas rasmi dan pemansuhan peraturan tambang gantian termasuk penambahbaikan pekeliling berkaitan kelulusan tuntutan elaun makan bagi kemudahan makanan tidak halal semasa bertugas rasmi di luar negeri.

3.0 PENAMBAHBAIKAN PERATURAN BAGI KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI UMPSA

3.1 Peraturan kelulusan Ketua Jabatan untuk menggunakan kenderaan sendiri semasa bertugas rasmi termasuk surat kelulusan yang perlu dilampirkan semasa membuat tuntutan seperti dalam Perenggan 5.7.3 dan 5.7.4 Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2023 adalah dimansuhkan;

3.2 Peraturan Tambang Gantian bagi perenggan 5.8 juga dimansuhkan;

3.3 Universiti menambahbaik kemudahan dengan membenarkan pegawai yang bertugas rasmi di luar negeri untuk membuat tuntutan Elaun Makan sekiranya kemudahan makan disediakan oleh penganjur tidak mempunyai pensijilan halal atau disahkan tidak halal dengan kelulusan Ketua Jabatan. Perenggan 6.1.5 Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2023 adalah ditambahbaik melalui seperti berikut:

6.1.5 Seseorang pegawai tidak layak menuntut Elaun Makan atau Elaun Harian jika kemudahan makan disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur. Sekiranya sebahagian daripada kemudahan makan disediakan, pegawai hanya layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan itu tertakluk kepada kadar seperti berikut:

(a) sarapan pagi - 20% daripada Elaun Makan.

(b) makan tengah hari - 40% daripada Elaun Makan.

(c) makan malam - 40% daripada Elaun Makan.

Ketua Jabatan boleh meluluskan tuntutan Elaun Makan bagi kemudahan makan tidak halal yang disediakan oleh pihak penganjur tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

(a) Pegawai telah berurusan dengan pihak penganjur terlebih dahulu berhubung penyediaan kemudahan makan dengan mengambil kira sensitiviti dan keperluan makanan pegawai (dietary restriction) sebelum tugas rasmi dilaksanakan; dan

(b) pengesahan daripada pihak penganjur bahawa tiada kemudahan makan halal disediakan bagi urusan tugas rasmi tersebut.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa serta-merta.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 3 Januari 2025.

- Salinan kepada :
- 1) Naib Canselor
 - 2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
 - 3) Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
 - 4) Ketua Pustakawan
 - 5) Penasihat Undang-Undang